

Ekoran dakwaan berbeza fahaman politik di pusat penempatan sementara

# 103 mangsa banjir kena halau

**ALOR SETAR** – Gara-gara berbeza fahaman politik, mangsa banjir mendakwa dihalau keluar dari pusat pemindahan banjir.

Nasib malang itu didakwa berlaku ke atas 103 orang daripada 27 keluarga mangsa banjir yang tinggal di pusat penempatan sementara di Sekolah Kebangsaan (SK) Alor Janggus dekat sini semalam.

Arahan supaya mereka mengosongkan pusat tersebut dibuat oleh salah seorang ahli jawatankuasa (AJK) pusat itu melalui pembesar suara.

Amat memeritkan, mereka mendakwa hanya diberikan tempoh lima minit untuk berbuat demikian dan terpaksa berpindah ke pusat penempatan di Sekolah Menengah Alor Janggus di sini.

Tukang kebun, Abd. Aris Ahmad, 37, mendakwa, dia tidak menyangka jawatankuasa pusat berkenaan tergamak berbuat demikian memandangkan mereka adalah antara 1,700 mangsa banjir lain yang tinggal di situ sejak 2 November lalu.



**OTHMAN** (kanan) menyambut ketibaan mangsa banjir yang mendakwa dihalau dari pusat penempatan banjir SK Alor Janggus di Alor Setar semalam.

"Kami ada membuat aduan tentang pelbagai perkara yang tidak mencukupi seperti makan dan peralatan lain termasuk selimut dan tikar sedangkan banyak makanan dan peralatan tersimpan dalam stor.

"Namun mereka sentiasa memberi pelbagai alasan dan apa yang menghairankan, barangan yang kami minta itu diberi kepada orang-orang ter-

tentu sahaja tanpa banyak soal," dakwanya yang tinggal di Kampung Pulau Kerengga di sini.

Aris mendakwa, tindakan itu mungkin ada kaitan dengan fahaman politik memandangkan sejak awal lagi, mereka tidak pernah dilayan dengan baik.

Suri rumah, Sopiah Mohd. Hussein, 49, dari Kampung

Alor Janggus pula memberitahu, dia tidak berpuas hati dengan tindak tanduk AJK pusat penempatan itu sejak tinggal di situ pada 4 November lalu.

"Hampir setiap malam kami dan AJK di pusat ini bertengkar kerana masalah selimut yang mereka kata tiada bekalan sedangkan kami nampak mereka beri kepada orang-orang tertentu," katanya.

Dalam pada itu, Pengerusi Jawatankuasa Penempatan Sementara di Sekolah Menengah Alor Janggus, Othman Ariffin berkata, pihaknya menerima kedatangan semua mangsa yang mendakwa dihalau dengan hati yang terbuka.

Katanya, di pusat penempatan itu, mangsa dilayan sama rata tanpa mengira kaum dan fahaman politik.

"Tidak ada sekatan di sini. Semua orang makan mengikut apa yang mampu kami sediakan. Semua orang juga akan menerima peralatan asas seperti tikar dan selimut," katanya.

## Info Mangsa banjir Perlis dan Kedah

### PERLIS

Jumlah mangsa: 327  
Jumlah keluarga: 85  
Pusat pemindahan aktif: 5  
Pusat pemindahan ditutup: 52

### KEDAH

Jumlah mangsa: 5,103  
Jumlah keluarga: 1,333  
Pusat pemindahan aktif: 16  
Pusat pemindahan ditutup: 93

**Infrastruktur yang terjejas:**  
Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim

**Ramalan cuaca di Kedah dan Perlis:**

**Pagi:** Hujan di satu dua tempat di kawasan pantai  
**Petang:** Hujan di satu dua tempat  
**Malam:** Tiada hujan

**Lokasi kawasan terjejas akibat banjir**

Maklumat setakat pukul 5 petang semalam. Untuk maklumat terkini keadaan banjir, orang ramai boleh menghubungi hotline e-Bencana Alam, Jabatan Kerja Raya di talian 03-2696 7727 (24 jam)